



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENYAMBUT BAIK KENAIKAN GERAN TAHUNAN KAWASAN RUKUN TETANGGA

Kementerian Perpaduan Negara menyambut baik dan merakamkan setinggi-tinggi **penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas pengumuman kenaikan Geran Tahunan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) daripada RM6,000 kepada RM10,000, berkuat kuasa mulai Januari 2027**, yang diumumkan pada 24 Jun 2026 semasa Majlis Perasmian Program MADANI Kita Bersama KRT.

Pengumuman ini merupakan **satu pengiktirafan besar terhadap sumbangan dan peranan KRT sebagai institusi komuniti yang telah menjadi pemangkin perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat selama lebih lima dekad**. Kenaikan geran ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh gerakan akar umbi yang menjadi nadi kepada pembinaan masyarakat yang bersatu padu dan progresif.

Kini, sebanyak 8,615 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah ditubuhkan di seluruh negara dan terus menjadi tulang belakang kepada usaha memupuk semangat kejiranan, memperkukuh perpaduan serta memastikan kesejahteraan komuniti setempat. Di bawah Kementerian Perpaduan Negara, gerakan komuniti ini telah diperkasa melalui pelbagai inisiatif yang melibatkan kira-kira 250,000 anggota KRT, memberi manfaat kepada lebih 12 juta rakyat Malaysia, dengan pelaksanaan melebihi 100,000 aktiviti komuniti sepanjang tahun lalu.

Kenaikan geran tahunan ini dijangka akan melonjakkan lagi kapasiti dan keupayaan KRT untuk melaksanakan program yang lebih berimpak tinggi, termasuk aktiviti perpaduan, pembangunan komuniti, kebajikan, pendidikan, keselamatan kejiranan, sukarelawan serta pemerkasaan ekonomi setempat. Langkah ini juga membolehkan lebih banyak inisiatif yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat dilaksanakan di peringkat komuniti.

Semangat kejiranan merupakan asas kepada perpaduan negara. Hubungan yang erat antara jiran tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang adalah kekuatan sebenar Malaysia sebagai sebuah negara majmuk. KRT telah membuktikan peranannya sebagai platform yang menyatukan rakyat, membina kepercayaan antara komuniti serta memperkuat jaringan sosial yang menjadi benteng kepada keharmonian negara.

Kementerian komited untuk memastikan peruntukan tambahan ini dimanfaatkan sebaik mungkin agar KRT terus menjadi ejen penyatuan rakyat, memperkuat semangat Malaysia MADANI serta menyumbang kepada pembinaan negara yang aman, bersatu dan sejahtera.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

24 Jun 2026

KPN.100-9/1/16 (59)